

Ke-4: Perkahwinan dengan Wanita yang Jahil

Dr al-Siba'ie berkata: Jangan kamu berkahwin dengan wanita yang jahil. Dan jangan berkahwin dengan wanita yang teramat luas pengetahuan. Kerana isteri yang jahil adalah bala. Dan wanita yang luas pengetahuan adalah penyakit. (Lihat **Hakaza 'Allamatni al-Hayah**, hlm. 140)

Keadaan akan menjadi lebih buruk apabila isteri juga tidak memiliki latar belakang pendidikan agama yang kuat. Apabila wujud permasalahan rumah tangga, masing-masing tidak menemui jalan keluar yang sihat kecuali perceraian. (Lihat **Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam**, hlm. 103)

Syeikh Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya, **Tarbiyyatu al-Aulad** menukilkan sebuah kisah, di mana seorang lelaki datang mengadu kepada Saidina Umar bin al-Khattab R.A berkenaan anaknya yang derhaka terhadapnya. Lalu Umar memanggil anak itu dan mengingatkannya, yang dia sudah menderhakai dan lupa hak-hak bapanya.

Anak itu pun bertanya, "Wahai Amirul Mukminin, bukankah anak juga mempunyai hak yang wajib ditunaikan oleh ayahnya?" Umar menjawab, "Ya." Anak itu bertanya lagi, "Apakah hak-hak itu?" Beliau menjawab, "Seorang ayah mestilah memilih ibu yang baik untuknya, memberi nama yang baik, dan mengajarnya al-Quran."

Anak itu kemudian menyatakan, "Wahai Amirul Mukminin, bapaku tidak menjalankan satu pun daripada hak-hak itu; Ibuku seorang yang berkulit hitam, dahulunya isteri kepada seorang yang beragama Majusi, beliau menamakanku Ju'al (yang bermaksud kumbang), dan beliau tidak pernah mengajarku satu huruf pun daripada al-Quran."

Saidina Umar R.A menoleh ke arah lelaki itu dan menyatakan:

جِئْتِ إِلَيَّ تَشْكُو عُقُوقَ ابْنِكَ ، وَقَدْ عَقَّقْتَهُ قَبْلَ أَنْ يَعُقَّكَ ، وَأَسَأْتَ إِلَيْهِ قَبْلَ أَنْ يُسِيءَ إِلَيْكَ

Maksudnya: “Kamu datang kepadaku mengadu tentang anakmu yang derhaka, walhal kamulah yang menderhakainya terlebih dahulu sebelum dia menderhakaimu. Kamu juga yang berkelakuan buruk terhadapnya sebelum dia berkelakuan buruk terhadapmu!” (Lihat *Tarbiyyatul Aulad*, 1/127-128; *Tanbih al-Ghafilin*, hlm. 130)

Ke-5: Perkahwinan dengan Wanita yang Terpelajar

Dr al-Siba'ie berkata:

- Isteri yang jahil tidak faham tentang kamu.
- Isteri yang belajar lebih banyak daripada kamu tidak faham tentang kamu.
- Dan isteri yang sama-sama bagi kamu dari segi pengetahuan, kamu akan menambah kepadanya dengan sifat lelaki, sedangkan dia menambah ke atasmu dengan sifat cemburu. Sedangkan kelelakian adalah yang mewajibkan keputusan atau hukum. Berlainan dengan cemburu membawa kepada keingkaran. Di antara kekuatan hukum dan keingkaran melahirkan kesengsaraan keluarga. Maka daripada kebaikan, lebih baik kamu lebih cerdik daripada isteri kamu supaya dapat menutup ketajaman cemburu dengan sultan (kekuatan) ilmu. (Lihat *Hakaza 'Allamatni al-Hayah*, hlm. 140)

Kisah Khadijah ketika Turunnya Wahyu

Ini mengingatkan kita kisah sejarah Khadijah R.Anha ketika menenangkan Rasulullah SAW tatkala wahyu pertama kali diturunkan.

Syeikh al-Mubarakfuri menyebut dalam *al-Rahiq al-Makhtum* (hlm. 96): Ketika Rasulullah SAW pulang ke rumah dalam keadaan gementar, Baginda SAW

berkata kepada Khadijah R.Anha: “Selimutkan aku! Selimutkan aku!” Maka Rasulullah SAW pun diselimuti sehingga hilang keresahannya.

Rasulullah SAW kemudian menceritakan kepada Khadijah R.Anha apa yang berlaku kepadanya. Rasulullah SAW berkata, “Aku bimbang sesuatu yang tidak baik berlaku padaku.” Lantas Khadijah R.Anha menyahut:

كَلَّا وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ،
وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ،

Maksudnya: *“Demi Allah, sampai bila pun Allah tidak akan menghinamu. Sesungguhnya engkau ialah orang yang selalu menyambung silaturrahim, menanggung beban orang-orang susah, mengusahakan sesuatu untuk orang yang tiada perusahaan, melayani tetamu dan membantu orang yang ditimpa bencana alam.”*

Riwayat al-Bukhari (3) dan Muslim (160)

Ingatlah perkahwinan ini diibaratkan seperti melayari bahtera di samudera. Kadangkala ombak taufan melanda dan kadangkala bongkah batu yang menghalangnya. Justeru hiasilah dengan empat perkara.

- Ilmu yang sentiasa dilazimi.
- Sabar dalam ujian kehidupan.
- Syukur dengan kurniaan tuhan.
- Bangunlah malam untuk tahajjud bersama kerana ini pesanan Rasulullah SAW kepada Puteri-Nya Fatimah dan Saidina Ali.